

14 DEC 1997

Sidang-Myanmar

PEMIMPIN MYANMAR TEMUI S/AGUNG PBB DI KUALA LUMPUR

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Pemimpin tentera Myanmar Than Shwe akan menemui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, demikian menurut kenyataan perwakilan Myanmar.

Kenyataan satu muka surat itu berkata Pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar itu akan menemui Annan dan beberapa pemimpin lain semasa berada di sini.

Annan dijadualkan tiba malam ini untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia dan akan menghadiri jamuan malam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi meraikan pemimpin negara-negara Asean, China, Jepun dan Korea Selatan esok.

Than Shwe tiba semalam untuk menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean selama tiga hari yang bermula malam ini dan juga untuk menghadiri perhimpunan tidak rasmi pertama Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan bermula esok.

Myanmar menyertai Pertubuhan Negara Asia Tenggara itu tahun ini. Asean kini dianggotai oleh Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Myanmar telah dipulaukan oleh Barat, yang mengkritik rekod hak asasi negara itu. Antaranya ialah Amerika Syarikat yang mengenakan sekatan ekonomi ke atas Yangon dan Kesatuan Eropah yang membantah kehadiran Myanmar, sebagai anggota Asean, pada Mesyuarat Kedua Asean-Eropah di London pada April depan.

Menurut kenyataan itu, semasa di sini, Than Shwe akan "memperbaharui hubungan peribadi dan bertukar-tukar pendapat dengan ketua-ketua negara atau kerajaan negara-negara Asia Tenggara dan China, Jepun dan Korea Selatan."

Beliau juga akan mengadakan pertemuan berasingan dengan Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai dan Perdana Menteri Laos Khamtay Siphandone bagi membincangkan mengenai hubungan dua hala, serantau dan perkara-perkara kepentingan bersama.

Menurut kenyataan berkenaan kehadiran Than Shwe pada sidang kemuncak itu membuktikan "hasrat murni Kerajaan dan rakyat Myanmar untuk bekerjasama dengan negara-negara anggota Asean lain dalam semua kegiatan" pertubuhan serantau itu.

"Ia juga menunjukkan komitmen Myanmar terhadap ikrar bersama untuk hidup aman dan harmoni dalam satu keluarga negara-negara Asia Tenggara dan Asia, dengan semua negara di rantau ini komited untuk bekerjasama demi kepentingan keseluruhan rantau ini," kata kenyataan itu.-- BERNAMA

ES NAK